

Nakirah apabila berulang, menunjukkan beberapa, berbeza dengan ma`rifah.	النَّكِرَةُ إِذَا تَكَرَّرَتْ دَلَّتْ عَلَى التَّعَدُّدِ، بِخِلَافِ الْمَعْرِفَةِ	قاعدة ٥٨
--	--	----------

Keterangan: Mana-mana isim apabila disebut dua kali atau berulang kali, ia tidak akan terlepas daripada empat keadaan berikut:

(1) Isim ma`rifah disebut dua kali atau berulang kali, pada kedua kalinya ia disebutkan dalam bentuk ma`rifah.

(2) Isim nakirah disebut dua kali atau berulang kali, pada kedua kalinya ia disebutkan dalam bentuk nakirah.

(3) Mula-mula disebut dalam bentuk ma`rifah, kemudian disebut dalam bentuk nakirah.

(4) Mula-mula disebut dalam bentuk nakirah, kemudian disebut dalam bentuk ma`rifah.

Jika sesuatu isim ma`rifah disebut dan diulangi dua kali dalam ayat, maka pada kebiasaannya, isim ma`rifah kedua adalah isim ma`rifah yang pertama juga.

Jika sesuatu isim nakirah disebut dan diulangi dua kali dalam ayat, maka biasanya isim nakirah kedua lain daripada nakirah pertama.

Jika sesuatu isim mula-mula disebut dalam bentuk nakirah, kemudian baru disebut dalam bentuk ma`rifah, maka yang disebut kemudian dalam bentuk ma`rifah itu tidak lain, isim nakirah pertama jua.

Dan jika sesuatu isim mula-mula disebut dalam bentuk ma`rifah, kemudian baru disebut dalam bentuk nakirah, maka dalam keadaan ini penentuan hendaklah dibuat berdasarkan qarinah (petunjuk yang ada dalam ayat).

Peringatan: Hukum-hukum yang diberikan untuk empat keadaan isim di atas adalah berdasarkan kebiasaan atau kebanyakannya. Bukanlah ia suatu yang mesti dan tidak dapat tidak. Kadang-kadang kerana adanya qarinah-qarinah tertentu, hukumnya lain daripada apa yang diberikan tadi.

Contoh-contoh:

Contoh aplikasi isim dalam bentuk pertama iaitu isim ma`rifah disebut dua kali di dalam ayat, dan pada kedua kalinya ia digunakan dalam bentuk ma`rifah, ialah firman Allah berikut:

(1)

اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ (٥) صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ (٦)

5. Tunjukilah kami jalan yang lurus. 6. Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan ni`mat kepada mereka, (al-Fatihah: 5-6).

Perkataan صِرَاطَ tersebut dua kali di situ. Pada kedua kalinya ia digunakan dalam bentuk ma`rifah. Mula-mula ia ma`rifah dengan ال (Alif Laam), selepas itu ia ma`rifah kerana diidhafatkan kepada isim ma`rifah yang lain. Dalam keadaan ini, صِرَاطَ kedua tidak lain adalah صِرَاطَ yang pertama jua. Pendek kata, yang dimaksudkan dengan kedua-dua صِرَاطَ itu ialah الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ.

(2)

وَقِهِمُ السَّيِّئَاتِ وَمَنْ تَقِ السَّيِّئَاتِ يَوْمَئِذٍ فَقَدْ رَحِمْتَهُ وَذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ①

9. Dan peliharalah mereka dari (balasan) kejahatan-kejahatan (yang dilakukannya) dan (sebenarnya) sesiapa yang Engkau pelihara pada hari itu dari terkena (balasan) kejahatan-kejahatan (yang dilakukannya) maka sesungguhnya Engkau telah mengurniakan rahmat kepadanya dan yang demikian itulah kemenangan yang besar (nilainya). (Ghafir: 9).

السيئات (balasan kejahatan-kejahatan yang dilakukan oleh mereka) yang tersebut dahulu di dalam ayat di atas, itulah juga السيئات yang tersebut selepasnya.

Contoh aplikasi isim dalam bentuk kedua iaitu Isim nakirah disebut dua kali atau berulang kali, setiap kali disebut, ia disebutkan dalam bentuk nakirah adalah firman Allah berikut:

(1)

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ ضَعْفٍ ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ ضَعْفٍ قُوَّةً ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ قُوَّةٍ ضَعْفًا وَشَيْبَةً يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ وَهُوَ

الْعَلِيمُ الْقَدِيرُ ﴿٥٤﴾

54. Allah yang menciptakan kamu bermula dengan keadaan lemah, selepas berkeadaan lemah itu Dia menjadikan kamu kuat. Setelah itu Dia menjadikan kamu lemah pula serta tua beruban. Dia menciptakan apa yang dikehendakiNya dan Dialah jua yang Maha Mengetahui, lagi Maha Kuasa. (ar-Ruum: 54).

Di dalam ayat ini perkataan ضعف berulang sebanyak tiga kali. Pada ketiga-tiga kalinya ia digunakan dalam bentuk nakirah. Kerana itu ma`nanya juga berbeza dan ada beberapa. Yang dimaksudkan dengan kelemahan pertama ialah ketika manusia sebagai nuthfah atau ketika ia merupakan tanah. Yang dimaksudkan dengan kelemahan kedua ialah ketika manusia sebagai janin di dalam perut ibu. Dan yang dimaksudkan dengan kelemahan ketiga pula ialah kelemahan manusia ketika baru dilahirkan dan ketika masih kanak-kanak. Mungkin juga yang dimaksudkan dengan kelemahan ketiga ialah kelemahan manusia semasa tuanya.

(2)

وَاتَّقُوا يَوْمًا لَا تَجْزِي نَفْسٌ عَنْ نَفْسٍ شَيْئًا وَلَا يُقْبَلُ مِنْهَا شَفَعَةٌ وَلَا يُؤْخَذُ مِنْهَا عَدْلٌ وَلَا هُمْ يُنصَرُونَ ﴿٤٨﴾

48. Dan peliharalah diri kamu dari (azab sengsara) hari (akhirat), yang padanya seseorang tidak dapat melepaskan orang lain (yang berdosa) sedikitpun (dari balasan azab) dan tidak diterima syafaat daripadanya dan tidak pula diambil daripadanya sebarang tebusan dan mereka (yang bersalah itu) tidak akan diberi sebarang pertolongan. (al-Baqarah: 48).

Perkataan نفس diulang sebanyak dua kali di dalam ayat di atas. Pada kedua kalinya ia disebutkan dalam bentuk nakirah. Dari itu difahami bahawa نفس ke-dua lain hakikatnya daripada hakikat نفس pertama.

Contoh aplikasi isim dalam bentuk ketiga iaitu apabila sesuatu isim mula-mula disebut dalam bentuk nakirah, kemudian baru disebut dalam bentuk ma`rifah ialah:

(1)

إِنَّا أَرْسَلْنَا إِلَيْكُمْ رَسُولًا شَاهِدًا عَلَيْكُمْ كَمَا أَرْسَلْنَا إِلَىٰ فِرْعَوْنَ رَسُولًا ۖ فَعَصَىٰ فِرْعَوْنَ الرَّسُولَ فَاخَذْنَاهُ أَخَذًا وَبِيَلًا

﴿١٦﴾

15. Sesungguhnya Kami telah mengutus kepada kamu (wahai umat Muhammad), seorang Rasul yang menjadi saksi terhadap kamu (tentang orang yang mematuhi atau menolak seruannya), sebagaimana Kami telah mengutus kepada Firaun seorang Rasul.

16. Maka Firaun menderhaka kepada Rasul itu, lalu Kami menyeksakannya dengan azab seksa yang seberat-beratnya. (al-Muzzammil: 15-16).

Di dalam ayat ke-15 perkataan رسول telah digunakan dalam bentuk nakirah. Di dalam ayat ke-16 pula perkataan رسول digunakan dalam bentuk ma`rifah. Ini bererti perkataan itu telah disebutkan dua kali. Pertama dalam bentuk nakirah dan kedua dalam bentuk ma`rifah.

Dalam keadaan begini perkataan الرسول yang disebut kemudian dalam bentuk ma`rifah itu tidak lain, ia sebenarnya adalah رسول pertama yang tersebut di akhir ayat ke-15 jua. Rasul pertama yang diutus Allah kepada Fir`aun dan rasul yang diderhakai Fir`aun adalah orang yang sama, dia adalah Nabi Musa a.s.

(2)

وَلَمَّا أَنْتَصَرَ بَعْدَ ظُلْمِهِ فَأُولَٰئِكَ مَا عَلَيْهِمْ مِّنْ سَبِيلٍ ۗ ﴿١٧﴾ إِنَّمَا السَّبِيلُ عَلَىٰ الَّذِينَ يَظْلِمُونَ النَّاسَ وَيَبْغُونَ فِي الْأَرْضِ

بِغَيْرِ الْحَقِّ ۗ أُولَٰئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٨﴾

41. Dan sesungguhnya orang yang bertindak membela diri setelah dia dizalimi, maka mereka yang demikian keadaannya, tidak ada sebarang jalan hendak menyalahkan mereka.

42. Sesungguhnya jalan (untuk menyalahkan) hanyalah terhadap orang-orang yang melakukan kezaliman kepada manusia dan bermaharajalela di muka bumi dengan tiada sebarang alasan yang benar. Mereka itulah orang-orang yang beroleh azab seksa

yang tidak berperi sakitnya. (asy-Syura: 41-42).

Terdapat dua kali perkataan سبيل di dalam dua ayat di atas. Di dalam ayat ke-41 ia digunakan dalam bentuk nakirah. Di dalam ayat ke-42 pula ia digunakan dalam bentuk ma`rifah (السبيل). Pada hakikatnya perkataan (السبيل) yang disebut di dalam ayat ke-42 dalam bentuk ma`rifah itu tidak lain, ia sebenarnya adalah سبيل yang tersebut di akhir ayat ke-41 jua. Ma`na kedua-duanya adalah sama.

Contoh aplikasi isim dalam bentuk ke-empat iaitu apabila sesuatu isim mula-mula disebut dalam bentuk ma`rifah, kemudian baru disebut dalam bentuk nakirah ialah:

(1)

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ۖ إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ۖ

5. Bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan,

6. (Sekali lagi ditegaskan): Bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan. (as-Syarah: 5-6).

Di dalam dua ayat di atas perkataan العسر disebut dua kali. Pada ke-dua-dua kalinya ia disebut dalam bentuk ma`rifah. Begitu juga dengan perkataan يسرا , ia juga disebut dua kali. Pada kedua-dua kalinya ia disebut dalam bentuk ma`rifah. Maka berdasarkan qaedah ke-58 yang sedang dipelajari sekarang, العسر (kesukaran) kedua yang tersebut di dalam ayat ke-6 tidak lain adalah العسر (kesukaran) pertama yang tersebut di dalam ayat ke-5 sebelumnya. يسرا (kemudahan) kedua yang tersebut di dalam ayat ke-6 pula adalah lain daripada يسرا (kemudahan) pertama yang tersebut di dalam ayat ke-5 sebelumnya. Ini bererti العسر (kesukaran) lebih sedikit jumlahnya berbanding يسرا (kemudahan). Kalau satu العسر (kesukaran) anda terpaksa hadapi, maka يسرا (kemudahan) pula anda dapat dua. Ia mengisyaratkan kepada kesukaran yang dialami manusia dalam kehidupannya lebih sedikit berbanding kemudahan yang dikurniakan oleh Allah kepadanya.

Apa yang disebut di dalam dua ayat di atas diperincikan lagi oleh rasulullah s.a.w. menerusi sabda Baginda berikut: لَنْ يَغْلِبَ عُسْرٌ يُسْرَيْنِ Bermaksud: Satu kesukaran sekali-kali tidak akan dapat mengalahkan dua kemudahan. (Hadits mursal riwayat al-Haakim

di dalam Mustadrak j.2 m/s 575).

(2)

وَلَقَدْ آتَيْنَا مُوسَى الْهُدَى وَأَوْرَثْنَا بَنِي إِسْرَائِيلَ الْكِتَابَ ۗ هُدًى وَذِكْرَى لِأُولِي الْأَلْبَابِ ۗ

53. Dan demi sesungguhnya! Kami telah memberikan Nabi Musa hidayat petunjuk dan Kami berikan kaum Bani Israil mewarisi Kitab Taurat,

54. Sebagai hidayat petunjuk dan peringatan bagi orang-orang yang berakal sempurna. (Mu'min: 53-54).

Perkataan الهدى di dalam ayat 53 telah digunakan dalam bentuk ma'rifah. Di permulaan ayat 54 pula ia disebut sekali lagi, tetapi dalam bentuk nakirah هُدًى. Perkataan الهدى di dalam dua ayat ini merupakan dua entiti yang berbeza. Yang pertama bererti mu'jizat, shuhuf dan syariah. Dari segi i`rabnya, ia dii`rab sebagai maf'ul bihi bagi آتينا. Sementara yang kedua pula adalah هُدًى. Ia bererti petunjuk. Dari segi i`rabnya pula ia menjadi maf'ul li ajlih bagi أورشنا. Boleh juga ia dii`rab sebagai haal.

Tlh pun disebutkan sebelum ini bahawa bentuk ke-empat iaitu apabila sesuatu isim mula-mula disebut dalam bentuk ma'rifah, kemudian baru disebut dalam bentuk nakirah, bergantung kepada qarinah (petunjuk yang ada dalam ayat) untuk menentukan sama ada hakikat yang kedua sama dengan hakikat yang pertama atau tidak.

Contoh isim dalam bentuk ke-empat yang ada qarinah menunjukkan hakikat keduanya sama ialah firman Allah berikut:

وَلَقَدْ ضَرَبْنَا لِلنَّاسِ فِي هَذَا الْقُرْآنِ مِنْ كُلِّ مَثَلٍ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ۗ قُرْآنًا عَرَبِيًّا غَيْرَ ذِي عِوَجٍ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ۗ

27. Dan demi sesungguhnya! Kami telah mengemukakan kepada umat manusia berbagai misal perbandingan dalam Al-Quran ini, supaya mereka mengambil peringatan dan pelajaran.

28. Iaitu Al-Quran yang berbahasa Arab, yang tidak mengandungi sebarang keterangan yang terpesong; supaya mereka bertakwa. (az-Zumar:27-28).

Perkataan القرآن telah digunakan dua kali. Pada kali pertama di dalam ayat ke-27, ia digunakan dalam bentuk ma`rifah. Kali kedua pula ia digunakan dalam bentuk nakirah dalam ayat ke-28. Adakah hakikat kedua-duanya atau tidak? Jawabnya, sama. Sebab qarinah menunjukkan hakikat kedua-duanya sama, lantaran tidak ada dua al-Qur'an yang berbeza dalam dunia ini. Semuanya sama.

Contoh isim dalam bentuk ke-empat yang ada qarinah menunjukkan hakikat kedua-duanya tidak sama, bahkan berlainan sama sekali ialah firman Allah berikut:

وَيَوْمَ تَقُومُ السَّاعَةُ يُقْسِمُ الْمُجْرِمُونَ مَا لَبِئُوا غَيْرَ سَاعَةٍ كَذَلِكَ كَانُوا يُؤْفَكُونَ ﴿٥٥﴾

55. Dan semasa berlakunya hari kiamat, orang-orang yang berdosa akan bersumpah mengatakan bahawa mereka tidak tinggal (di dalam kubur) melainkan sekadar satu sa`at sahaja; demikianlah mereka sentiasa dipalingkan (oleh fahaman sesatnya dari memperkatakan yang benar). (ar-Rum: 55).

Perkataan ساعة telah digunakan dua kali di dalam ayat di atas. Mula-mula ia digunakan dalam bentuk ma`rifah (الساعة). Kemudian ia digunakan dalam bentuk nakirah ساعة. Kedua-duanya mempunyai hakikat yang berlainan. Kerana ma`na yang pertamanya ialah hari kiamat. Sedangkan ma`na yang kedua pula ialah satu sa`at. Kelainan ma`nanya kedua-duanya merupakan qarinah yang menunjukkan entiti kedua berbeza, tidak sama.